

**Ucapan Sulung dan Amanat  
Y.B. Dato' Seri Mohd Shafie bin Haji Apdal  
Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah  
Pada Perhimpunan Bulanan  
Kementerian Kemajuan Luar bandar dan Wilayah  
24 April 2009 (Jumaat)  
Auditorium Blok D8, Kompleks D, Putrajaya**

---

***Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera***

***Terima kasih Pengerusi Majlis;***

***Yang dikasihi,***

***Y.B. Timbalan-Timbalan Menteri;***

***Y. Bhg. KSU, Timbalan-Timbalan KSU;***

***Ketua-ketua Jabatan dan Agensi;***

***Hadirin yang dihormati sekalian.***

Terlebih dahulu saya panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahuwa Ta'ala. di atas limpah dan kurniaNya dapat kita berhimpun pada pagi ini dan saya mengucapkan terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan dalam Perhimpunan Bulanan Kementerian ini.

Pertama sekali ingin saya nyatakan di sini bahawa kedatangan saya sebagai Menteri bersama Y.B. Dato' Hasan Malek sebagai Timbalan Menteri baru ke Kementerian ini dan Y.B. Datuk Joseph Entulu, Timbalan Menteri yang kekal adalah bukan hanya untuk membantu menjadikan Kementerian ini mempunyai peranan dan fungsi yang penting kepada negara tetapi lebih daripada itu iaitu memastikan Kementerian ini dapat membantu masyarakat miskin yang memerlukan sokongan dan bantuan dari Kementerian ini.

Saya yakin bahawa Kementerian ini mempunyai peranan yang amat penting kepada negara. Perubahan yang dibawa oleh Kementerian ini kepada kehidupan masyarakat luar bandar pada masa ini jauh berbeza berbanding dengan kehidupan masyarakat luar bandar yang begitu miskin semasa lebih daripada 50 tahun dahulu (iaitu sejak Kementerian ini ditubuhkan). Jumlah kadar kemiskinan telah banyak jauh mengecil berbanding sebelum negara ini mencapai kemerdekaan.

Usaha yang dilakukan oleh pihak pemerintah, pihak Kerajaan dan pihak Kementerian untuk mendaulatkan kehidupan masyarakat di luar bandar ini telah berjaya mengubah tahap kehidupan mereka bukan sahaja di peringkat generasi pertama malah juga di peringkat generasi kedua iaitu anak-anak mereka. Dan kini kebanyakan daripada mereka telah berhijrah ke bandar.

Pencapaian ini tidak bermakna peranan Kementerian ini sudah berada di tahap selesa. Malah kita harus sentiasa pertingkatkan usaha supaya masyarakat miskin khususnya di luar bandar terus mendapat bantuan dan menikmati kehidupan yang baik dan selesa yang akhirnya dapat membantu meningkatkan modal insan anak-anak mereka.

***Hadirin yang dihormati sekalian,***

Sebenarnya negara kita, Malaysia merupakan sebuah negara yang telah berjaya dalam konteks pembangunan luar bandar. Kita harus berbangga dengan kejayaan ini kerana kita berjaya mempertingkatkan tahap kehidupan masyarakat berbanding dengan negara-negara luar. Kesan ekonomi yang selesa dapat melahirkan kesejahteraan dan keamanan kepada negara. Adalah tiada makna sekiranya masyarakat berjaya dalam ekonomi tetapi negara tidak aman dan sejahtera. Maka banyak usaha-usaha yang perlu kita lakukan untuk melonjak ekonomi masyarakat.

Saya selaku menteri dan rakan-rakan saya, timbalan menteri sahaja tidak mampu memenuhi kehendak masyarakat demi untuk memastikan kesejahteraan

dan keamanan itu dapat dilahirkan. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita semua yang harus dipikul bersama untuk melakukan yang terbaik bagi memenuhi kehendak masyarakat yang memerlukan ini. Usaha untuk memenuhi kehendak masyarakat terus kita laksanakan sejak dahulu kerana kita tahu masyarakat telah memberi keyakinan dan kepercayaan terhadap kemampuan kita.

Keyakinan dan kepercayaan masyarakat ini perlu kita terjemahkan menjadi satu kejayaan. Jika kita dapat melakukan yang terbaik untuk mereka, sudah pasti mereka yakin untuk terus bersama kita walau sebarang gelombang cabaran yang datang. Malah mereka percaya bahawa kita mampu menanganinya. Maka kita perlu memastikan bahawa kita telah memberikan perkhidmatan yang terbaik bersandarkan kepada dua (2) perkara penting ini iaitu keyakinan rakyat dan kepercayaan rakyat (*confident and trust*).

Keyakinan rakyat dan kepercayaan rakyat yang saya maksudkan adalah seperti kata pepatah Inggeris *people are confident that we are competent enough to deliver goods and the services* (masyarakat yakin bahawa kita berkemampuan memberikan yang terbaik terhadap keluaran barangan dan perkhidmatan yang disediakan). Dengan memberikan perkhidmatan yang terbaik ini, ia dapat mewujudkan kepercayaan masyarakat terhadap setiap apa yang kita perkatakan dan lakukan. Justeru itu, saya yakin dengan cara ini kita dapat melahirkan masyarakat yang mampu menyempurnakan pelbagai hasrat kerajaan dalam membangunkan negara.

Hari ini kita lihat terdapat perubahan dalam kepimpinan Kerajaan. Terima kasih kita ucapkan kepada Y.A.Bhg. Tun Abdullah Hj. Ahmad Badawi atas kepimpinan beliau dahulu sebagai Perdana Menteri dan beliau telah membawa beberapa perubahan dan kebaikan dalam pentadbiran negara. Perdana Menteri baru hari ini Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah banyak memperkatakan tentang penekanan beliau terhadap pelaksanaan sistem penyampaian dan cara-cara bagaimana untuk melahirkan satu masyarakat yang sejahtera dalam masyarakat pelbagai kaum. Salah satu daripada apa yang telah diungkapkan

oleh beliau ialah 'Satu Malaysia, Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan'.

Walaupun pelbagai pencapaian yang telah dicapai namun masih banyak yang perlu kita lakukan untuk rakyat terutamanya di kawasan luar bandar. Pencapaian ini tidak akan bererti jika kita masih tidak mampu bersaing dalam pelbagai sudut dengan masyarakat lain. Untuk itu, kita harus bersatu untuk membina dan memajukan negara ini menjadi sebuah negara yang boleh dihuni oleh masyarakat pelbagai kaum tanpa adanya perasaan prejudis, tanpa ada rasa bimbang akan berlaku penindasan dan diskriminasi.

***Tuan-tuan dan puan-puan,***

Sebagai penjawat awam di Kementerian ini kita harus melakukan yang terbaik untuk membantu masyarakat luar bandar yang memerlukan sokongan dan bantuan daripada kita. Kita perlu ingat bahawa matlamat Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya diwujudkan adalah untuk memastikan masyarakat di peringkat luar bandar tidak ketinggalan dalam pelbagai aspek kemajuan kehidupan.

Maka kita perlu laksanakan tanggungjawab untuk membantu mereka supaya dapat menikmati segala apa yang seharusnya mereka nikmati. Namun begitu, kita janganlah membantu hanya berlandaskan kepada kaum, kumpulan, agama atau atas sebab tertentu sahaja kerana kesemua mereka berhak untuk mendapat bantuan daripada kita.

Di samping itu, bagi melaksanakan 'Satu Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan', saya berharap segala usaha yang kita lakukan sebagai pemegang amanah yang diberikan menerusi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, kita harus beri keutamaan kepada rakyat semasa menyampaikan perkhidmatan dan melaksanakan projek-projek yang dirancang.

Setiap projek dan perkhidmatan yang dirancang harus mempunyai pendekatan '*People-Centric Project*' iaitu mengutamakan projek yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat dengan lebih meluas. Elakkan pelaksanaan melalui beberapa kelompok yang kecil dan akhirnya *it is not cost effective and benefit delivery limited*. Seharusnya apa yang kita lakukan perlu mempunyai implikasi yang begitu luas kepada masyarakat di peringkat akar umbi dan pencapaian inilah yang kita utamakan.

Pada ketika ini, kita tidak harus berlelah untuk mencapai kejayaan kerana keadaan dunia pada masa kini semakin mencabar dari aspek ekonomi dan politik. Sekiranya kita lambat melakukan sesuatu atau menangguhkan sesuatu yang baik, ianya akan meletakkan kita dalam keadaan yang merugikan. Setiap perkara yang baik di muka bumi ini perlu kita percepatkan. Namun begitu, dalam mempercepatkan perkara-perkara yang baik jangan ketepikan soal kesempurnaan dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab. *we must excel in our delivery system and perfection must be there*. Pastikan perkhidmatan yang diberikan adalah sempurna dan elak melaksanakan kerja secara '*cincai*' atau umpamanya ayat yang biasa digunakan '*tak apalah*' atau '*buat setakat tu je*'.

Sekiranya kita ingin melaksanakan tanggungjawab kita, *we must do something which can be recognized* (kita hendaklah lakukan sesuatu yang boleh diterima atau diiktiraf). Pengiktirafan tersebut bukan di peringkat kampung atau negara kita sahaja malah di peringkat antarabangsa. Oleh itu, sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab untuk membangunkan kawasan luar bandar, kita harus menilai pengiktirafan bukan hanya melalui kemajuan yang dilihat dan dinikmati rakyat di luar bandar semata-mata sama ada di Semporna, Sabah; Sungai Petani, Kedah atau di mana jua pelusuk di Johor atau Terengganu; tetapi menilai pengiktirafan melalui cara kita melaksanakan perkhidmatan yang terbaik yang pernah kita lakukan.

Untuk memberi perkhidmatan yang terbaik, kita perlu memberi sepenuh komitmen, ketekunan dan amanah dalam setiap apa jua yang kita lakukan.

InsyaAllah, sekiranya kita memberi sepenuh amanah dan tanggungjawab, saya yakin dan percaya bahawa kita boleh menjadi sebuah Kementerian contoh. - *This Ministry has never been forgotten in term of delivery system and it is an example to others.* Kementerian kita akan sentiasa jadi pilihan tempat lawatan; diminta menyampaikan taklimat; diminta memberi pandangan tentang kaedah dan struktur sistem pentadbiran yang kita laksanakan pada hari ini untuk dijadikan contoh dan ikutan kepada masyarakat lain.

Walau bagaimanapun, pencapaian ini bukan bergantung kepada Menteri, Timbalan Menteri dan Ketua Setiausaha sahaja malah semua warga Kementerian dan agensi-agensinya perlu menyampaikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat sebagaimana yang diamanahkan hingga ke peringkat kampung bagi mewujudkan satu bangsa Malaysia sepertimana hasrat Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak iaitu 'Satu Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

***Hadirin yang dihormati sekalian,***

Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ketika ini, kita harus lebih prihatin dan berusaha dengan lebih gigih bagi memastikan projek-projek pembangunan dapat dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan dan akhirnya memberi impak ataupun '*outcome*' yang diharapkan oleh masyarakat dan juga Kerajaan. Kelewatan dalam melaksanakan projek pembangunan sudah tentunya akan melibatkan pertambahan kos yang lebih besar dan mengakibatkan pembaziran serta akan mengecewakan harapan rakyat.

Dengan pelbagai usaha penambahbaikan yang telah dijalankan oleh Agensi-agensi Kerajaan, kedudukan Malaysia berdasarkan Laporan Bank Dunia yang dikeluarkan pada tahun lepas telah meningkat dari tangga ke-24 di kalangan 178 negara pada tahun 2007, ke tangga ke-20 di kalangan 181 negara. Sesungguhnya tumpuan perlu terus diberikan terhadap usaha-usaha meningkatkan lagi keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian Perkhidmatan Awam.

Dalam usaha kita melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan kepada Kementerian ini, pastinya kita tidak dapat lari daripada menempuh cabaran-cabaran. Kita perlu memahami bahawa cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan tugas adalah satu pendorong untuk kita menyediakan dan menyumbangkan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat dan negara.

Bagi warga perkhidmatan awam, perkara ini penting diberikan penekanan kerana setiap keputusan dan tindakan yang diambil mencerminkan prestasi penyampaian perkhidmatan Kerajaan secara keseluruhannya di mata rakyat. Kita perlu sentiasa saling mengingatkan untuk memenuhi keperluan tugas dengan penuh integriti dan menghormati perjanjian yang telah dibuat dalam Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam dan Surat Aku Janji. Kita perlu menjalankan tugas dengan jujur dan berdisiplin serta menghormati dan mematuhi peraturan-peraturan, undang-undang dan kod etika Perkhidmatan Awam.

Berkhidmat dengan penuh integriti serta memberikan perkhidmatan yang berintegriti adalah merupakan aspek paling utama. Kita tidak boleh bertolak ansur sama sekali terhadap sebarang perlakuan dan amalan yang menyebabkan keraguan tentang integriti kita. Integriti bukan sekadar bermaksud menghindari daripada pelakuan rasuah dan salah guna kuasa yang melibatkan wang ringgit. Integriti merangkumi skop yang lebih luas seperti integriti dalam pengurusan masa, integriti dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik, integriti dalam membuat keputusan, integriti dalam menyampaikan maklumat dan sebagainya. Sebagai penjawat awam kita memilih untuk berkhidmat dalam Kerajaan berdasarkan semangat dan motivasi yang tinggi untuk berkhidmat dengan jujur, ikhlas dan beramanah dan menyumbang terhadap pencapaian Misi Nasional. Bukan untuk wang ringgit dan kekayaan semata-mata.

Apa yang penting ialah budaya kualiti dan kecemerlangan perlu dikekalkan dan usaha-usaha perlu dipergiatkan bagi menjana idea-idea baru ke arah mencapai tahap kualiti yang lebih tinggi. Semoga usaha-usaha meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam akan terus dilaksanakan bagi merealisasikan

hasrat Kerajaan iaitu 'Satu Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'.

Kita perlu sentiasa mengajak diri kita untuk berubah ke tahap yang lebih baik pada setiap hari. Perubahan ini penting agar kita mampu untuk memperbaiki diri kita dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian, anjakan minda/perubahan pemikiran ini perlu dilakukan sejak dari awal lagi – *This change in mindset must begins early*. Perkara yang mengambil masa yang lama, yang turut menjadi penghalang ialah *mindset* kita. Kita harus mengambil maklum bahawa perubahan *mindset* mestilah turut menjadi matlamat yang penting, seiring dengan perubahan yang ingin kita lihat.

Dalam konteks ini adalah menjadi tanggungjawab Kementerian untuk memastikan masyarakat kampung, usahawan-usahawan kampung dan desa diberi pendedahan dengan perkembangan-perkembangan yang berlaku khususnya dalam sektor ekonomi negara. Mereka perlu bersungguh-sungguh merebut sebarang peluang yang ditawarkan menerusi maklumat yang diperolehi daripada perkembangan yang didedahkan.

Dalam bidang perladangan sebagai contoh, *core business* bagi sesuatu aktiviti perladangan yang telah dilaksanakan sejak bertahun lamanya perlu diperkembangkan. Sekiranya sebelum ini bidang perladangan hanya tertumpu kepada pelaksanaan kerja-kerja pertanian dan pembekal input pertanian, maka kita harus mengorak langkah yang lebih berani dengan langkah pertama, mempelbagaikan fungsi dan peranan *plantation* menerusi R&D (*Research and Development*).

Kedua, menyediakan *marketing infrastructure* untuk produk-produk perladangan di samping menyediakan pelan promosi dan pemasaran di peringkat dalaman dan global. Ketiga, kesediaan individu yang terlibat untuk mencari ilmu pengetahuan, menghadiri siri-siri latihan yang berkaitan dan tidak segan untuk bergaul dengan ahli-ahli korporat yang telah berjaya. Kita mesti mempunyai fikiran yang terbuka.



Dalam bidang perniagaan pula, Kementerian perlu bergerak secara aktif agar penduduk kampung diberi peluang dan harapan untuk membangunkan ekonomi mereka sendiri. Kita perlu bekalkan mereka dengan kemahiran merancang supaya mereka dapat memperbaiki kehidupan mereka. Penduduk kampung perlu diterapkan konsep berfikir secara lebih luas daripada batasan-batasan yang terhad dan Kementerian bertanggungjawab mencari jalan bagaimana hendak melaksanakan projek-projek yang boleh memberi sumber baru kepada pendapatan mereka di luar bandar.

Berdasarkan pengalaman di Kementerian yang lalu, industri makanan kerepek misalnya telah mendapat pasaran hingga ke luar negara. Ini kerana pengusaha berkenaan telah meletakkan sasaran pasarnya lebih tinggi sehingga ke peringkat antarabangsa. *Mindset* yang lebih terbuka luas ini telah berjaya mengeluarkan produk kerepek ubi yang memenuhi kehendak pasaran di peringkat antarabangsa.

***Saudara-saudari hadirin,***

Ini adalah apa yang ingin saya tekankan mengenai perubahan *mindset*. Kita perlu membuat perubahan *mindset* dari peringkat kecil hingga ke peringkat lebih besar. Proses perubahan *mindset* perlu mengambilkira aspek yang memenuhi keperluan dan kehendak semasa termasuk budaya di sesuatu tempat yang ingin dipasarkan. Ini bermakna pengusaha kampung yang ingin mengeluarkan sesuatu barangan perlu membuat kajian bagi memastikan barangan menepati pasaran. Pertimbangan dari segi harga; pembungkusan; kualiti serta mutunya akan diambilkira supaya barangan adalah setanding dan mampu menyaingi barangan di peringkat antarabangsa.

Jika perubahan *mindset* sedemikian berlaku, saya yakin hasil pendapatan masyarakat kampung yang ada pada hari ini akan lebih meningkat. Melihat kepada keberkesanan perubahan *mindset* ini, konteks pengeluaran hasil perladangan pokok getah oleh RISDA juga perlu diubah kerana kita tidak mahu

hanya terlibat dalam pasaran komoditi semata-mata. Perubahan perlu dilakukan di peringkat pengeluaran hasil perladangan RISDA.

Oleh itu, untuk mengubah pendekatan agensi perladangan misalnya RISDA, sesuatu perlulah dilakukan dengan melibatkan pemprosesan di peringkat akar umbi secara lebih meluas untuk mengeluarkan barang-barang hasil daripada getah untuk dieksport ke luar negara. Apabila kita dapat mengeksport barangan berkenaan, peluang pekerjaan di kampung akan turut disediakan. Justeru itu, kemahiran yang ada perlu kita pertingkatkan menerusi kursus-kursus yang dilaksanakan sebelum ini.

Dengan penajaan pengajian anak-anak ke luar negara melalui sumbangan dari yayasan yang terdapat di bawah RISDA, anak-anak ini dapat diserapkan dalam pengurusan RISDA kelak. Penajaan pengajian dalam pelbagai bidang misalnya dalam institusi kewangan atau pembinaan ini merupakan satu pelaburan untuk RISDA. Pendekatan dan komitmen anak-anak kita itu nanti akan lebih komprehensif dalam usaha bagaimana untuk mengubah kemajuan *mindset* (*very comprehensive approach – how to change the mindset development*).

Pembangunan yang perlu kita lonjakkan untuk masyarakat luar bandar bukan hanya dengan menyediakan prasarana, jalanraya, bekalan air dan hospital tetapi *mindset* masyarakat yang perlu diubah. Dan yang akan mengubahnya adalah kita dan untuk melengkapkannya adalah dengan membantu masyarakat ini supaya kehidupan masyarakat ini dapat ditingkatkan.

Dengan pengalaman hidup sebagai anak kampung dahulu, kita juga ingin melihat anak-anak kampung pada hari ini juga menikmati kemudahan-kemudahan yang ada serta dapat diperluaskan kepada anak kampung yang ada pada hari ini. Kita tidak ingin melihat anak-anak kampung kita jauh ketinggalan dalam pelbagai segi dan sudut. Oleh itu, saya berharap rakan-rakan sekalian dalam Perkhidmatan Awam di peringkat Kementerian ini dapat menterjemahkan perubahan minda yang dimaksudkan dan mengutamakan konteks ekonomi, rangkaian dan pemasaran.

Perkara ini telah saya bincangkan semasa penyampaian taklimat pada 23 April 2009 yang lalu bersama KSU dan Timbalan-timbalan Menteri serta Ketua Pengarah berkenaan penyusunan semula Kementerian untuk menentukan dan memastikan supaya peranan kita dapat dipertingkatkan melebihi daripada peranan kebiasaan yang diamalkan selama ini.

*We don't do whatever just needed, we must go beyond that and what is just not needed. How can we enhance them, how can we develop them, supaya masyarakat kampung pada hari ini mengeluarkan barangan untuk dieksport ke dalam dan luar negara.*

Sebuah kampung yang pernah saya lawati di Munich, Germany mempunyai industri kampung yang melibatkan komponen-komponen yang terdiri di kalangan penduduk kampung. Komponen tersebut dikeluarkan untuk kegunaan industri pengangkutan udara (*Aviation Industry*) di sana seperti Boeng, Airbus dan sebagainya. Ini bermakna penduduk kampungnya mampu mengeluarkan produk bertaraf dan bermutu antarabangsa. Perubahan *mindset* sedemikianlah yang perlu kita perluas dan perembangkan.

Saya akui perkara ini telah wujud di negara kita pada hari ini namun sumber kekayaan yang diberikan oleh Allah s.w.t. kepada umatnya di negara ini terlalu banyak dan kita perlu memaksimumkan kepelbagaian kegunaannya. Maka itu adalah penting bagi kita untuk merancang dan melaksanakan sesuatu supaya usaha ini dapat dimanfaatkan oleh masyarakat di negara ini.

***Hadirin yang dihormati sekalian,***

Kawasan luar bandar di negara kita kaya dengan pelbagai sumber alam seperti rotan, buluh, kayu, tanah liat, pandan, mengkuang dan sebagainya. Di samping itu, masyarakat luar bandar terutamanya bumiputera memang terkenal dengan kemahiran tangan. Namun begitu sumber alam dan kemahiran yang sedia ada masih belum digunakan sepenuhnya ke arah usaha yang menguntungkan.

Sekiranya usaha ini dipertingkatkan dalam kegiatan ekonomi, ia boleh menjadi punca pendapatan penduduk luar bandar dan seterusnya dapat memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi luar bandar. Kesedaran masyarakat terhadap nilai ekonomi yang ada pada sumber-sumber alam di sekitar mereka masih di tahap yang rendah dan kesannya, pertumbuhan ekonomi di luar bandar juga masih di tahap yang rendah.

Walaupun terdapat usaha-usaha untuk menggunakan sumber alam ini sebagai salah satu kegiatan ekonomi luar bandar namun ianya terbatas untuk kegunaan pasaran tempatan sahaja. Kegiatan-kegiatan ekonomi ini diusahakan tanpa mengambil kira kehendak pasaran, selera dan permintaan semasa dalam konteks ekonomi moden. Kesannya prospek hasil kemahiran tangan kita tidak begitu memberangsangkan.

Kehendak pasaran yang sentiasa berubah harus diambil kira untuk menentukan permintaan industri kampung, sekiranya industri tersebut ingin terus menjadi punca pendapatan dan kegiatan ekonomi yang mempunyai potensi yang lebih luas di pasaran dunia.

Oleh kerana itu, pengeluaran dan pemasaran merupakan dua aspek penting yang perlu dititikberatkan untuk membangunkan industri kampung. Dari aspek pengeluaran, ianya perlu disusun dengan susunan tertentu supaya hasil industri kampung dapat dikeluarkan dengan banyak; diselaraskan mengikut permintaan dan selera pembeli dan disediakan mengikut jadual yang ditetapkan. Ini termasuklah menjamin ketinggian mutu, harga yang berbeza dengan keluaran negara-negara lain dengan ciptaan dan rekabentuk yang menarik.

Apa yang penting pada masa ini adalah menyesuaikan industri kampung yang menepati keadaan dan permintaan semasa. Banyak negara sedang membangun seperti negara Thai, Indonesia dan Filipina malah negara-negara maju seperti Jepun telah menjadikan kegiatan di kampung-kampung sebagai salah satu kegiatan ekonomi yang utama dan penting.

Kegiatan-kegiatan ini bukan sahaja telah membuka peluang pekerjaan kepada sebahagian besar penduduk di luar bandar, malah ia telah memberi sumbangan kepada pertumbuhan dan pendapatan negara-negara tersebut dengan pengeluaran secara besar-besaran untuk dieksport ke negara-negara lain.

Perkara-perkara yang dinyatakan adalah antara mengapa perlunya anjakan minda atau perubahan pemikiran (*change in mindset*) dilakukan. Kita tidak boleh membelenggukan minda dengan pemikiran bahawa 'tiada apa yang boleh dibuat di kampung' dan 'kampung hanya untuk orang pencen sahaja'. Kita mesti lihat jauh ke hadapan *think globally, act locally*.

Sekiranya sumber-sumber dalaman yang terdapat di kampung digunakan dengan bijak, maka kita akan mendapat manfaat daripadanya sama ada untuk jangka pendek mahupun jangka panjang. Peluang-peluang yang terdapat di sekeliling kita mesti disertai dengan kemahuan untuk berjaya dan usaha yang bersungguh-sungguh - *we must do away with the old ideas and habits of waiting for things to fall into our lap*.

Selain daripada memajukan ekonomi luar bandar, saya juga ingin menyeru supaya pembangunan sosial di kalangan anak muda di kampung-kampung turut diberikan perhatian. Gejala sosial yang semakin meningkat sejak kebelakangan ini menuntut perhatian serius daripada kita semua memandangkan kebanyakan golongan yang terbabit adalah di kalangan anak muda. Sedangkan mereka ini adalah harapan masa depan bangsa dan negara kita. Sekiranya generasi ini kecundang, negara bakal menjadi kucar kacir. Maka itu peranan membimbing golongan muda ini merupakan tanggungjawab semua ibu bapa dan guru malahan masyarakat keseluruhannya.

### ***Hadiri sekalian,***

Seperti yang telah kita ketahui, pengumuman dua pakej rangsangan ekonomi yang lalu adalah untuk menggerakkan ekonomi negara. Bagi menjayakan kedua-

dua pakej rangsangan ini saya akan memastikan setiap peruntukan di Kementerian ini akan dibelanjakan dengan faedah serta impaknya dinikmati oleh golongan sasaran. Sehubungan dengan itu, saya akan memantau rapi setiap projek dan program yang dirancang oleh Kementerian ini. Maka saya dan pegawai-pegawai Kementerian ini akan sering turun padang untuk memastikan pelaksanaannya tercapai.

Sukacita dimaklumkan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE), Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM500 juta untuk membina baru 13,236 unit rumah untuk miskin tegar di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) di seluruh Malaysia pada tahun ini.

Selain daripada itu, Kementerian di bawah peruntukan tahunan siling RMK-9 disediakan peruntukan sebanyak RM51.4 juta. Peruntukan ini dijangka dapat membina baru 1,024 unit rumah PBR dan membaik pulih 787 unit rumah orang miskin tegar. Sehingga 20 April 2009, sejumlah RM515,104,800 (93.42%) telah disalurkan kepada pelbagai agensi pelaksana PBR 2009. Dari segi prestasi fizikal PBR 2009, sebanyak 65 unit rumah PBR telah disiapkan, 5,677 unit rumah PBR sedang dalam pelaksanaan dan selebihnya dalam peringkat penyediaan dokumen.

Negeri Sarawak telah diperuntukkan RM103 juta dengan RM91 juta daripada PRE dan RM12 juta daripada peruntukan tahunan 2009 untuk PBR di bawah RMK-9. Jumlah peruntukan ini dijangka dapat memberi faedah kepada 2,715 keluarga termasuk RM6.38 juta untuk bina baru dan baik pulih rumah panjang dan RM5.9 juta untuk rumah individu.

Bagi Negeri Sabah, sejumlah RM100 juta telah diperuntukkan. Peruntukkan berjumlah RM49.6 juta akan digunakan untuk membangunkan 4 buah penempatan berkelompok yang melibatkan 1,240 unit rumah iaitu 1,000 unit bagi projek penstrukturan semula Kg. Mengkabong di Tuaran, 100 unit bagi Ladang PPRT Tongod, 100 unit juga bagi Ladang PPRT Kalabakan dan 40 unit bagi Kg. Kiandut. Sebanyak RM50.4 juta lagi akan digunakan untuk projek individu.

Jumlah rumah PBR yang dijangka dapat dibangunkan di Sabah adalah sebanyak 2,500 unit rumah.

Saya berharap apa yang telah kita rancang akan dapat dilaksanakan sebaik mungkin untuk memastikan masyarakat yang memerlukan sokongan dan bantuan daripada kita akan dapat manfaat dan harus dilakukan sebaik mungkin.

***Hadirin yang dihormati sekalian,***

Seperti yang saya sebutkan di peringkat awal tadi, kerjasama dari semua masyarakat akan menentukan kejayaan pelbagai rancangan yang telah dirangka oleh Kementerian. Maka laksanakanlah dengan terbaik untuk memastikan keperluan rakyat di peringkat akar umbi ini dapat dipenuhi. Saya yakin kebanyakan masyarakat kampung telah meletakkan harapan, kepercayaan dan keyakinan bahawa kita di peringkat Kementerian mampu menyediakan bantuan yang diingini. Kegagalan menunjukkan kepincangan tindakan kita yang akan menimbulkan masalah yang merugikan dan akhirnya masyarakat kampung terus berada dalam keadaan yang daif.

Saya berharap untuk mencapai hasrat ini, sokongan padu daripada rakan-rakan sekalian di kalangan pegawai-pegawai kanan sehingga ke peringkat akar umbi. Kerja secara berpasukan adalah sangat penting di semua organisasi. Jika tiada *teamwork* dalam organisasi, maka setiap individu dan pegawai-pegawai akan mempunyai agenda yang berlainan dan ini menyukarkan matlamat dicapai sebagaimana perancangan yang digubal kerana usaha yang tidak sepadu. Dikhawatiri masyarakat kampung yang amat memerlukan bantuan dan sokongan ini akan jauh ketinggalan.

Kita semua sedar bahawa masih ada di antara masyarakat yang pada ketika ini tidak mempunyai makanan yang cukup dan mendiami rumah yang daif. Inilah amanah dan tanggungjawab yang harus dipikul bersama. Ada di antara masyarakat luar bandar yang hanya berupaya untuk mendapat nafkah hidup

harian dalam lingkungan RM4 ke RM5 sehari dengan hanya menjual kerepek ataupun menjual goreng pisang di tepi jalan. Dengan wang harian inilah yang digunakan untuk menyara anak-anak mereka ke sekolah setiap hari atau setiap bulan.

Kita mempunyai tanggungjawab untuk mengubah keadaan kehidupan mereka untuk membolehkan masyarakat di peringkat luar bandar ini turut menikmati kehidupan yang sempurna sebagaimana masyarakat di bandar. Namun saya tidak mampu melakukan ini tanpa sokongan, dorongan dan bantuan daripada tuan-tuan dan puan-puan di Kementerian dan semua Agensi yang ada.

Saya berharap perkara ini dilaksanakan dengan terbaik sebagai satu pasukan. Dalam pada masa yang sama, telah saya tekankan bahawa dalam keadaan ekonomi yang gawat, kita harus pastikan bahawa pengurusan kewangan dibelanjakan secara berhemah. Elakkan perbelanjaan ketika musim gawat pada ketika ini secara tidak menentu hingga menyebabkan berlaku keciciran, ketirisan dan pemborosan dan akhirnya apa yang kita ingin jayakan untuk membantu masyarakat di peringkat luar bandar tidak tercapai.

***Dato'-Dato' dan para hadirin yang dihormati sekalian,***

Berdasarkan maklumat taklimat minggu lalu, jumlah bilangan pegawai yang hampir 44,000 orang di Kementerian ini adalah jumlah yang cukup besar untuk menangani masalah di kawasan luar bandar. Saya yakin setiap tindakan yang dilaksanakan dalam jumlah yang begitu besar jika disertai dengan niat yang baik bermula dengan langkah pertama di rumah pastinya menghasilkan amalan tindak tanduk kerja yang terbaik. Kita harus sedar amanah dan tanggungjawab yang dipikul adalah untuk menunaikan harapan rakyat terhadap Kementerian, Kerajaan, kepimpinan dan Pegawai-pegawai Kerajaan.

InsyaAllah, dengan keberkatan doa kita kepada Allah s.w.t., kita akan sentiasa mendapat petunjuk dariNya dan mendapat keredhaan untuk memperolehi kejayaan. Dan saya yakin tiada kerja yang boleh dilaksanakan dan dijayakan



dengan cemerlang jika tiada komitmen dan keyakinan terhadap kemampuan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini untuk membasmi kemiskinan masyarakat luar bandar.

Untuk menuju ke arah ini saya meletakkan harapan supaya semua anggota Kementerian dan agensi dapat membantu menjayakan agenda untuk melonjak kehidupan masyarakat luar bandar yang memerlukan pada masa-masa yang akan datang.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan dalam Perhimpunan Bulanan ini. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan saya, Y.B. Senator Tan Sri Muhammad bin Muhammad Taib yang telah menyerahkan tugas beliau pada 22 April 2009 lalu. Ini termasuklah ucapan terima kasih kepada Y.B. Tan Sri Joseph Kurup yang berkhidmat selaku Timbalan Menteri yang lalu kerana telah memberi perkhidmatan yang baik. Mudah-mudahan apa yang mereka lakukan itu akan mendapat keredhaan Allah s.w.t.. Marilah sama-sama kita doakan kepada Allah s.w.t. supaya mudah-mudahan apa yang kita lakukan ini akan mencapai kejayaan dan mendapat keredhaanNya.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah,  
wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh